

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN PENINGKATAN ELAUN PAKAR DALAM
PERKHIDMATAN AWAM**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk meningkatkan elaun pakar dalam perkhidmatan awam di Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Elaun pakar merupakan satu ganjaran yang khas untuk doktor-doktor pakar yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan. Jumlah yang di terima adalah amat kurang sekiranya di bandingkan dengan beban tugas sebenar semasa berkhidmat sebagai seorang doktor.
- 2.2 Cadangan untuk meningkat elaun pakar telah dikemukakan kepada majlis ini beberapa kali tetapi tidak begitu berjaya.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Oleh kerana rawatan dan perkhidmatan perubatan adalah amat kritikal, adalah amat mustahil untuk mengekalkan jumlah doktor dalam perkhidmatan kerajaan tanpa peningkatan pendapatan yang munasabah.
- 3.2 Elaun Pakar memberi insentif kepada doktor-doktor pakar untuk berkhidmat dengan lebih giat lagi dan mengurangkan penghijaran ke sektor swasta
- 3.3 Langkah ini akan meningkatkan lagi jumlah pendapatan seorang doktor pakar yang berkhidmat. Ini adalah satu cara untuk mengelakkan tuntutan daripada pihak-pihak professional yang lain oleh kerana elaun ini adalah khas untuk doktor sahaja.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan kewangan. Walaubagaimanapun, ini akan merupakan satu cara untuk mengurangkan doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan untuk berhijrah ke perkhidmatan kesihatan swasta atau institut pengajian tinggi swasta.

4.2 Peningkatan kewangan kepada negara tidak begitu tinggi dan ini secara langsung akan memberi ganjaran yang lebih kepada doktor-doktor pakar kerajaan.

5.0 KESIMPULAN

5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih ganjaran dan insentif untuk pakar-pakar tempatan untuk berkhidmat sebagai pegawai kerajaan.

6.0 SYOR

6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbang syor untuk meningkatkan elaun pakar dalam perkhidmatan awam di Kementerian Kesihatan Malaysia.

LAMPIRAN 1

Tangga	Tahun Perkhidmatan		Elaun Pakar Kini (RM)	Elaun Pakar yang Dicadangkan (RM)
U41	5		1,300	1,250
U41	10		1,300	2,000
U44	5		1,400	1,500
U44	10		1,400	2,250
U48	5		1,700	1,750
U48	10		1,700	2,500
U48	15		1,700	3,250
U48	20		1,700	4,000
U52	5		1,800	2,000
U52	10		1,800	2,750
U52	15		1,800	3,500
U54	15		2,200	3,750
U54	20		2,200	4,500
U54	25		2,200	5,250

JUSA C dan atas	20		2,400	5,000
JUSA C dan atas	25		2,400	5,750

SYOR/CADANGAN

Oleh yang demikian kami mencadangkan supaya elaun pakar ditambahkan kepada jumlah yang dikira seperti di bawah:

JAWATAN

JUMLAH YANG DICADANGKAN

U41	RM500-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)
U44	RM750-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)
U48	RM1000-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)
U52	RM1250-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)
U54	RM1500-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)
Gred Khas C dan atas	RM2000-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)

(Angka 150 berasaskan dari pro-rata tambahan gaji tahunan U41, U44 dan U54 iaitu RM75-00, RM130 dan RM180-29).